

21 MAY 2003  
REAKSI-S&P/I  
PENARAFAN S&P KE ATAS MALAYSIA KEKAL

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Standard & Poor's (S&P) mengekalkan penarafan ke atas Malaysia yang baru sahaja mengumumkan pakej ekonomi bagi memantapkan ekonomi dan membantu industri yang terjejas akibat Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Agensi penarafan sebelum ini telah memberikan penarafan mata tempatan "A+/Stable/A-1" dan mata wang asing "BBB+/Stable/A-2" kepada Kerajaan Malaysia.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, S&P menyatakan bahawa langkah-langkah kerajaan pusat yang menelan belanja RM1.7 bilion (AS\$447 juta) adalah lebih rendah daripada ramalannya yang dibuat pada 8 Mei lepas.

Dengan perbelanjaan sebanyak itu, defisit kerajaan adalah di sekitar 5.5 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara tahun ini.

Bagaimanapun, hutang bersih kerajaan dijangka meningkat kepada 37 peratus daripada KDNK menjelang hujung 2003 daripada 36 peratus daripada KDNK 2002.

Paras hutang bersih ini, masih sejajar negara-negara lain yang setara dengan Malaysia, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan pakej strategi baru bernilai RM7.3 bilion untuk membantu negara menghadapi ketidakpastian global dan membantu sektor-sektor yang terjejas berikutan wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) serta peperangan di Iraq.

Bagaimanapun, daripada jumlah itu, RM1.7 bilion adalah daripada bajet persekutuan, RM2.0 bilion daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dan RM3.6 bilion daripada institusi kewangan seperti Bank Pertanian Malaysia, Bank Simpanan Malaysia dan Bank Pembangunan Infrastruktur dan Industri. --

BERNAMA

MR MKO JR